




■ **RUMAH Kutai di Kampung Kepayang, Simpang Pulai, masih mengekalkan seni bina asal.**



■ **WALAUPUN diubah suai, rumah Kutai dengan hanya satu bilik.**

B. Mingsan / s 1 14. 1. 07

Oleh Ziauddin Sharuddin

RUMAH Kutai seperti kebanyakan rumah tradisional Melayu memaparkan kehebatan warisan seni bina Melayu, tetapi Kutai yang bermaksud 'tua' memaparkan kehebatan pemikiran orang Melayu melalui penerapan unsur Islam yang amat mendalam.

Tiada siapa tahu usia sebenar rumah Kutai, tetapi rumah ini sudah wujud ketika Kesultanan Perak diasaskan pada awal abad ke-16.

Reka bentuk rumah Kutai di sepanjang Sungai Perak, Ribu dan Kuala Kangsar di Perak, mempunyai hubungan erat dengan Undang-Undang 99 yang menetapkan batasan hubungan antara lelaki dan wanita bukan muhrim.

Jika pembinaan rumah moden tertakluk kepada pelbagai syarat mengikut agensi kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, rumah Kutai lebih hebat kerana aspek estetika, struktur dan fungsi, banyak dipengaruhi unsur kesopanan yang digariskan kitab suci al-Quran.

Penemuan ini adalah antara hasil kajian Pensyarah Seni Bina Universiti Teknologi Mara (UiTM), Profesor Madya Dr Anuar Talib, yang berpandangan bahawa pemikiran orang Melayu ketika itu dibendung al-Quran hingga pembinaan rumah banyak menerapkan unsur Islam.

Katanya, pembinaan rumah Kutai memberi penghormatan kepada wanita dengan amat menjaga maruah mereka, terutama yang belum berkahwin atau anak dara.

"Rumah Kutai mempunyai satu bilik dan bilik itu untuk anak dara. Jika ada lima anak dara di rumah itu, semua akan tidur sebilik.

"Kerahsiaan bilik anak dara dapat dilihat apabila mengikut Undang-Undang 99, pasangan yang baru berkahwin disuruh menziarahi rumah saudara-mara, tetapi apabila bermalam, tempat mereka ialah di luar. Bilik tetap milik anak dara," katanya.

Selain itu, rumah Kutai mempunyai tangga depan dan belakang, memisahkan golongan lelaki yang masuk menggunakan tangga depan dan wanita melalui tangga belakang, sekali gus

Rahsia rumah

Kediaman satu bilik khusus untuk anak dara jaga m

menempatkan lelaki di serambi depan dan wanita di serambi belakang.

Katanya, pemikiran ke hadapan orang Melayu untuk memelihara maruah wanita, terutama anak dara dapat dilihat dalam Undang-Undang 99 yang menyatakan:

Apabila hendak memasuki rumah orang, jika tiada muhrim, tetamu lelaki perlu duduk di bahagian kanan tangga depan.

Beliau berkata, kedudukan itu menyebabkan lelaki bukan muhrim yang berada di bahagian kanan tangga tidak boleh nampak atau mengintai secara langsung bilik anak dara yang terletak di bahagian kanan rumah.


Antara ciri rumah Kutai ialah tingkap kecil menyebabkan keadaan dalam rumah agak gelap dan ini menghairankan Dr Anuar, tetapi hasil penerangan tukang yang membuat rumah Kutai, reka bentuk ini memang disengajakan.

Katanya, keadaan lebih ekstrem di rumah Batak yang langsung tidak mempunyai tingkap menyebabkan hanya sedikit cahaya memasuki dalam rumah kerana masyarakat Batak berpegang kepada falsafah kerahsiaan dalam kegelapan.

"Di rumah Kutai, apabila tetamu datang daripada tempat terang (luar rumah) dan masuk ke dalam rumah, kekurangan cahaya adalah pendekatan psikologi yang sangat bijak kerana mata tetamu perlu mengambil sedikit masa untuk menyesuaikan diri dengan kegelapan.

"Ini memberi cukup masa kepada wanita yang tidak memakai tudung menutup rambut, manakala anak dara sempat masuk bilik. Reka bentuk rumah memberikan kerahsiaan kepada wanita dalam rumah," katanya.

Beliau berkata, ikatan kuat antara rumah Kutai dan Undang-Undang 99



■ **ILUSTRASI rumah Kutai asal.**

dapat dilihat berdasarkan kedudukan bilik menghala hulu sungai.

Katanya, undang-undang mensyaratkan bahawa rumah mesti dibina di hilir rumah yang lebih awal dibina di kampung itu dan dengan kedudukan bilik menghala ke hulu menyebabkan anak dara yang mengahuni bilik tidak dapat dilihat.

Dr Anuar memberi penghormatan kepada tukang rumah perintis yang berilmu tinggi dan mengkaji al-Quran.

Katanya, kitab suci yang menjadi panduan umat Islam menyatakan secara umum mengenai pembinaan rumah seperti sebagai tempat




Kutai di Pasir Salak, kekal



KEUNIKAN rumah Kutai di Kampung Kepayang menarik perhatian pengkaji

rumah Kutai

maruah wanita, tepati konsep digaris al-Quran



FAKTA

Corak tebal layar rumah Kutai

8 + 1


(kiri) (tengah)

= 81

81 + 18

= 99

99 nama Allah



“Rumah Kutai memberi penghormatan kepada wanita. Ia hanya satu bilik dan bilik itu untuk anak dara. Jika ada lima anak dara di rumah itu, semua akan tidur sebilik”

Dr Anuar Talib
Pensyarah Seni Bina UITM

sementara, ringan serta boleh dipindahkan dan tukang rumah-peka terhadap perkara ini.

“Rumah Kutai dibina untuk boleh dibuka dan dipasang semula. Dalam tempoh antara lapan hingga sembilan hari, tiang, gelegar dan rasuk boleh disusun dan rumah dibina semula. Ini dipermudahkan kerana rumah tidak dipaku, tetapi menggunakan baji dan selak.

“Tiang tidak dimasukkan dalam tanah, tetapi diletakkan di atas alas untuk memudahkan pemindahan,” katanya.

Memperincikan kehebatan tukang rumah, katanya, penerapan unsur Islam dilihat berdasarkan pemaha-

man terhadap kejadian manusia yang dijadikan berpasangan.

Katanya, rumah Kutai mempunyai banyak unsur berpasangan seperti serambi depan-serambi belakang, kasau (kayu melintang pada bumbung) jantan-kasau betina, ibu tangga-anak tangga dan tiang panjang-tiang pendek.


LIHAT MUKA 2



Tingkap

Pintu

Tangga



Layar

Bumbung

Lubang
angin

Dinding

Lantai
dan bendul

Tiang

RUMAH Kutai yang sudah diubah suai masih mengekalkan ciri tradisi.



ANTARA corak anyaman pada dinding keleraai rumah Kutai.

FAKTA

Rumah Kutai

- Kutai bermaksud tua atau purba.
- Bahagian struktur utama rumah menggunakan kayu keras seperti cengal dan merbau, manakala bahagian kemasam lantai dan dinding menggunakan meranti dan anyaman buluh.
- Paku tidak digunakan. Tukang memilih selak dan baji kerana memudahkan rumah dibuka dan dipasang semula.
- Rumah Kutai mempunyai dua jenis, rumah Kutai tiang 12 dan tiang 16.
- Rumah Kutai mempunyai dua tangga, depan untuk lelaki dan belakang untuk perempuan.
- Serambi depan untuk lelaki dan serambi belakang untuk perempuan.
- Serambi depan juga digunakan untuk pelbagai tujuan seperti ruang kanak-kanak mengaji al-Quran, tempat tuan rumah berbual dengan tetamu lelaki. Ruang tetamu lelaki tidur, manakala tetamu perempuan tidur di ruang tengah.
- Ruang tengah juga digunakan sebagai tempat solat dan menempatkan orang sakit.
- Hanya mempunyai satu bilik yang khusus untuk anak dara dan kelahiran bayi.
- Saiz rumah tiang 12 paling kecil ialah kira-kira 422 kaki persegi dan rumah tiang 16, kira-kira 502 kaki persegi.
- Rumah Kutai tiang 16 mempunyai 16 tiang terkeluar daripada lantai untuk menanggung beban bumbung dan antara empat hingga tujuh bilik sementara boleh dibuat dengan mengikat kain antara tiang.
- Orang kaya dan pembesar Perak (hingga 1850-an) tinggal di rumah Kutai tiang 16 walaupun mampu tinggal di rumah lebih besar. Tidak ada rumah yang mempunyai lebih banyak tiang. Reka bentuk rumah orang kaya dan pembesar Perak dengan orang biasa kelihatan sama daripada jauh.
- Perbezaan antara rumah orang kaya dan pembesar Perak dengan orang biasa adalah berdasarkan ukiran yang hanya ketara apabila diamati daripada dekat. Upah satu panel tingkap berukuran (2 X 2 kaki) ialah seekor kerbau.
- Orang kaya dan pembesar menggunakan kayu panel sebagai dinding bahagian bawah rumah. Kayu panel

Rumah Kutai

Pembinaan rumah moden bersifat individualistik, bertentangan, ancaman suasana alam sekitar

B.H m/s 2 14.1.07

Oleh Ziauddin Sharuddin

SUDAH tiba masa perancang bandar dan arkitek memikirkan semula secara serius untuk menerapkan konsep mesra alam dalam pembinaan rumah.

Perkara ini semakin mendapat perhatian di negara maju, terutama Eropah yang mula menyedari bahawa teknologi moden dalam pelbagai bidang memberi kesan negatif terhadap alam.

Begitu juga dalam pembinaan rumah yang kini mula disedari perlu lebih mesra alam seperti memanfaatkan komponen bangunan yang semula jadi dan mesra alam serta unsur cahaya dan pengaliran udara semula jadi untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik.

Konsep mesra alam sebenarnya sudah lama dipraktikkan tukang rumah Melayu yang membina rumah tradisional, terutama Kutai.

Pensyarah seni bina Univesiti Teknologi Mara (UITM), Profesor Madya Dr Anuar Talib, berkata tukang rumah Melayu tradisional mengambil teladan dari al-Quran, lantas menjadikan pembinaan rumah bersifat sementara dan diadun bersama alam.

Katanya, keadaan ini tidak berlaku dalam pembinaan rumah moden yang bersifat individualistik, bertentangan dan memusnahkan alam.

"Kita merugikan tenaga dengan penghawa dingin serta menggunakan besi dan aluminium untuk membina rumah. Aluminium dihasilkan menggunakan banyak tenaga dan jika rosak, di mana hendak dibuat? Aluminium mengambil masa ribuan tahun untuk hancur dan pupus," katanya.

Tukang rumah Melayu dan daerah nusantara lain pula menggunakan bahan yang bukan saja tidak mencemarkan alam, malah sehati dengan alam. Sebagai contoh, kepingan lantai kayu mengambil masa antara 40 hingga 60 tahun untuk reput dan kemudian menjadi sebahagian alam.

pak saja pokok cantik, hendak ditebang. Ini yang amat dikesali kerana masyarakat moden tidak menghormati alam yang Tuhan jadikan sangat istimewa, simbolik dan penuh rahsia" katanya.

Dari segi penggunaan ruang, katanya rumah teres dua tingkat dengan keluasan 2,000 kaki persegi (600 meter persegi) masih dirasakan kecil kerana rumah dibahagikan kepada ruang khusus, iaitu empat bilik, ruang tamu, makan dan dapur, sedangkan bilik hanya digunakan bagi tempoh antara jam 10 malam hingga 6 pagi.


Katanya, rumah banglo yang besar mungkin tidak menghadapi masalah ruang, tetapi konsep ruang keterbukaan rumah Kutai boleh diterapkan dalam pembinaan rumah kos rendah dan rumah pangsa kerana rumah tiang 12 lebih luas walaupun bersaiz lebih kecil, antara 422 kaki (126.6 meter) hingga 600 kaki persegi (180 meter persegi).

Keluasan rumah Kutai tiang 12 di Sayong, Kuala Kangsar, hanya 126.6 meter persegi berbanding rumah kos rendah, antara 144 hingga 180 meter persegi. Sebuah rumah Kutai tiang 16 di Kampung Kepayang, Simpang Pulai berukuran 150.6 meter persegi, berbanding rumah teres dua tingkat (empat bilik), 600 meter persegi

Bagaimanapun, ini tidak menjadi masalah kerana rumah Kutai mempunyai banyak tiang (12 atau 16 tiang) yang membolehkan antara empat hingga tujuh bilik dibuat pada waktu malam dengan mengikat kain antara tiang.


Dr Anuar berkata, rumah Kutai tiang 12 dengan mudah menempatkan lapan orang tinggal dengan selesa.

Beliau berkata, konsep rumah moden adalah terlalu privasi menyebabkan banyak berlaku perbuatan tidak baik yang orang lain tidak nampak.



mesra alam

■ **PENERAPAN** konsep mesra alam dalam pembinaan rumah Kutai.



Hubungan alam, manusia

DARI MUKA 1

Katanya, ukiran pada tebal layar rumah yang mempunyai lambang bulan dan bintang mempunyai makna kosmologi, iaitu keagungan Allah mencipta bulan dan bintang serta mengatur ketertiban perjalanan alam semesta.

"Tukang rumah berasa bahawa rumah adalah simbol seluruh alam dan manusia dibendung alam, kuasa dan ayat Allah. Makna simbol ini diketahui masyarakat Melayu tradisional, tetapi tidak lagi oleh masyarakat moden," katanya.

Di Padang Rengas, katanya tebal layar sebuah rumah Kutai mempunyai corak lapan jalur cahaya matahari di kiri dan lapan di kanan, manakala ada satu jalur di tengah.

Katanya, orang biasa mungkin melihat corak itu tidak mempunyai apa-apa makna, tetapi makna sebenar ialah adalah 8 (kiri) + 1 (tengah) = 81 dan 1 (tengah) + 8

bagian bawah rumah. Kayu panel dibuat daripada kayu keras seperti cengal dan merbau yang dibelah dan ditarah kira-kira dua inci. Orang biasa menggunakan dinding keleraai yang dibuat daripada anyaman buluh yang tahan 10 hingga 15 tahun.

Perbezaan lain ialah corak anyaman, terutama bahagian dinding bumbung atau tebar layar yang berfungsi sebagai alamat atau identiti rumah.

Berbeza dengan ukiran rumah tradisional Melayu Kelantan dan Terengganu yang menggunakan ayat al-Quran, rumah Kutai menerapkan unsur alam dalam anyaman dinding seperti bunga cengkih dan kelawang. Haiwan seperti ayam berlega dan kepala cicak turut digunakan, tetapi kelihatan seperti bentuk abstrak.

Motif alam mempunyai makna mendalam. Ukiran ayam berlega bermaksud mengingatkan tuan rumah supaya tidak berjudi kerana rumah boleh tergadai.




Rumah Kutai asal dibuat oleh tukang Melayu. Segelintir pekerja lombong bijih timah Cina yang melarikan diri daripada pertelagahan Ghee Hin dan Hai San, bekerja dengan tukang Melayu dan mempelajari membuat rumah Kutai.

Malah, katanya tukang rumah zaman dulu menghormati alam kerana jika hendak menebang pokok besar sebagai bahan binaan untuk membuat rumah dan mendapati ada kesan cakaran harimau pada pokok, mereka akan mencari pokok lain.

"Tukang tidak akan usik kerana harimau juga mempunyai pokok sebagai kawasan yang dikuasai haiwan itu. Sekarang nam-

"Rumah Melayu tradisional walaupun mempunyai satu bilik tetap, jarang berlaku perbuatan sumbang mahram. Zaman sekarang yang mempunyai tiga atau empat bilik, macam-macam boleh berlaku apabila bilik berkunci. Secara simbolik apabila berada dalam ruang terbuka, adab dan cara bercakap diawasi ramai orang," katanya.

Layar rumah Kutai







LUBANG angin.

ANDANGAN sisi rumah Kutai



(kanan) = 18. Apabila $81 + 18 = 99$, bermaksud 99 nama Allah.

Selain itu, katanya ada corak membahagikan 36 jaluran kepada dua bahagian atau 18 jaluran, tetapi disengajakan pembahagian tidak begitu tepat untuk menunjukkan Allah mencipta manusia berpasangan dan hanya Allah yang sempurna.



■ PELAN lantai rumah Kutai